

11 JAN 1996

MEMPERLAHANKAN PERTUMBUHAN BUKAN PENYELESAIAN KPD MASALAH DEFISIT, PM

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata memperlahankan pertumbuhan dan mengubah kadar faedah dan kadar pertukaran asing bukan cara untuk menangani masalah defisit Imbangan Pembayaran (BOP) yang dihadapi Malaysia.

"Mengubah kadar faedah adalah serampang dua mata," katanya sambil menambah bahawa penyelesaian terletak kepada peningkatan eksport dan mengurangkan import yang bermakna Malaysia seharusnya terus mengikuti laluan pertumbuhan yang tinggi.

Bagi eksport barangan pembuatan, "lebih banyak komponen tempatan mesti dikeluarkan jika pendapatan daripada eksport hendak dimaksimumkan, katanya dalam ucapan utama pada Forum Ekonomi Kebangsaan mengenai "Mengurangkan Defisit Imbangan Pembayaran" di sini hari ini.

Forum anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) itu disertai lebih 200 pegawai tinggi kerajaan dan tokoh-tokoh perniagaan dan merupakan pelantar bagi mereka bertukar-tukar buah fikiran serta mengkonsepsikan strategi-strategi baru dan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran akan datang.

Dr. Mahathir, yang menyebut bahawa defisit BOP telah meningkat kepada RM18 bilion, menyeru pekilang-pekilang Malaysia supaya mengeluarkan dalam jumlah yang mencukupi dan mencapai neraca ekonomi dengan melihat bukan sahaja kepada pasaran dalam negeri tetapi juga pasaran sejagat.

Pengeluaran untuk pasaran eksport mesti dimaksimumkan sementara sebahagian kecil sahaja dikeluarkan untuk pasaran tempatan, katanya sambil menambah bahawa "dengan itu industri-industri milik Malaysia tidak akan menafikan hasil cukai kepada kerajaan tetapi akan meningkatkan pendapatan eksport negara dan mengurangkan import."

Selain daripada mencapai ekonomi bidangan, pengeluaran secara banyak produk-produk seperti bahan binaan, keluli, plastik, kenderaan bermotor, peralatan elektrik serta yang menggunakan bahan mentah tempatan, akan merangsangkan industri sokongan, meminimumkan import dan memperolehi pendapatan eksport, katanya.

"Syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di seberang laut sepatutnya membantu dengan mendapatkan sebanyak yang boleh keperluan-keperluan mereka dari Malaysia," kata Dr. Mahathir.

Menyentuh pengaliran keluar dana berpunca daripada rakyat Malaysia yang belajar dan bercuti di seberang laut, beliau berkata pembangunan pelancongan dalam negeri mesti dipertingkatkan sementara institusi-institusi pendidikan ditubuhkan di Malaysia untuk menyekat pengaliran keluar pelajar negara.

Institusi-institusi pendidikan seharusnya dapat menarik sebanyak mungkin pelajar asing supaya Malaysia dapat menikmati pertukaran asing di samping mengurangkan pengaliran keluar wang disebabkan oleh pelajar tempatan yang ke sebarang laut, katanya.

Mengenai perakuan oleh para pakar supaya diperlahankan ekonomi untuk mengatasi defisit BOP, beliau berkata tiada kaitan tetap antara keduanya itu, sambil berkata bahawa pertumbuhan rendah di kebanyakan negara Eropah dan Amerika Utara disertai oleh defisit yang tinggi dalam BOP.

"Tetapi pertumbuhan rendah di Jepun tidak mengakibatkan defisit dalam imbangan pembayaran ... sebaliknya lebihan yang besar dalam dagangan terus bertahan," tambah Dr. Mahathir.

Sambil berkata bahawa defisit dagangan Malaysia dengan Jepun berjumlah

RM19.5 billion, iaitu lebih daripada jumlah defisit dagangan Malaysia, dan defisit dengan Jepun merupakan punca imbalan negatif dalam jumlah dagangan Malaysia.

"Jika dagangan dengan Jepun diperbetulkan maka Malaysia tidak akan mempunyai defisit dagangan," katanya.

Ketika diminta memberi penjelasan mengenai "mengubah kadar faedah", beliau berkata ia akan menjejaskan pelaburan dan penggunaan dan mengakibatkan inflasi.

"Sementara jumlah dagangan mungkin berkurangan, dan dengan bil import, tetapi sebagai satu peratusan daripada jumlah dagangan, bil import masih boleh kekal tinggi dan defisit tidak diperbetulkan.

"Eksport akan menjadi lebih mahal dan menjadi tidak kompetitif. Ini akan mengakibatkan pengurangan dalam pendapatan eksport tanpa mengurangkan defisit.

Hasil akhirnya mungkin kemelesetan yang sukar dipengaruhi, kata Dr. Mahathir. -- BERNAMA